

Pelajar dari Semenanjung, luar negara teruja kunjungi Rumah Terbuka Hari Raya UMS

LEBIH 10,000 ribu pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) membanjiri Dataran Dewan Canselor universiti itu sempena Majlis Sambutan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri, kelmarin.

Bukan sahaja membuka peluang kepada pelajar tempatan untuk menjadi tuan rumah kepada rakan-rakan mereka dari Semenanjung, majlis ini juga memberi ruang kepada pelajar dari luar Sabah untuk mengenai adat dan tradisi masyarakat tempatan.

Bagi Veronica Rose Velagnani dari Perak, dia sangat teruja untuk merasai pelbagai jenis makanan tradisi masyarakat Melayu yang terdapat di majlis berkenaan.

"Ini merupakan kali pertama saya menghadiri majlis yang meriah dan besar seperti ini dan saya tidak sabar mahu mencuba semua jenis makanan yang ada.

"Bagi saya, masyarakat



BERTUAH...Rachel (kanan) menunjukkan hadiah cabutan tiket bertuah sambil ditemani rakannya, Priscilla Liew.

di Sabah sangat mesra dan semangat kekeluargaan yang ditunjukkan sukar untuk kita lihat di Semenanjung," jelas penuntut Tahun 1 Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial ini.

Penuntut Tahun 3, Rachel Ang pula mengakui akan menggunakan kesempatan rumah terbuka ini untuk merasai makanan tradisi masyarakat Sabah seperti ambuyat.

Kata pelajar dari Pulau

Pinang ini, suasana harmoni di negeri ini dapat dilihat melalui keramahan mereka dan dia sendiri sudah terpicat dengan kemesraan masyarakat di negeri ini.

"Saya sukakan negeri ini dan saya akan pastikan dapat berkunjung ke tempat menarik seperti merentas sungai di Sandakan selepas berpeluang berkunjung ke Kudat dan Kundasang sebelum ini," katanya yang merupakan penuntut



OH MY GOAT daripada Unit Media dan Teknologi Pendidikan (UMTP) menjadi tumpuan pengunjung.



TUMPUAN...Gerai Sekolah Sains Sosial menyediakan hidangan seperti serunding ayam, gado-gado, Kek Keju, Kek Coklat, nasi Kuning, Dodol dan Mi Goreng.



HIDANGAN ISTIMEWA...Hidangan kebab antara yang ditawarkan di rumah terbuka Hari Raya UMS.



Nurul Atika Afifa (kiri) bersama rakannya, Nurul Isnimah Dora.



Veronica (kiri) bersama rakannya turut menikmati hidangan roti canai.

Sekolah Perniagaan dan Ekonomi ini.

Nurul Atika Afifa Mohd Dzulkefly pula berkata walaupun cuaca agak panas namun dia tidak mahu melepaskan peluang untuk sama-sama memeriahkan sambutan berkenaan

memandangkan dia tidak sempat meraikannya pada tahun lalu.

"Saya berpendapat majlis seperti ini memberi kita ruang untuk mengeratkan hubungan antara kaum selain menonjolkan keunikan masyarakat di

negeri ini melalui tarian, makanan dan pakaian oleh penari," katanya yang teruja untuk menikmati kambing panggang dari gerai Unit Media dan Teknologi Pendidikan (UMTP).

Bagi penuntut Ijazah Sarjana Perubatan dari Iran, Sadat, peluang berkunjung ke sambutan rumah terbuka seperti ini merupakan antara pengalaman tidak dapat dilupakan sepanjang berada di negeri ini.

Beliau yang sudah

dua tahun berada di Sabah juga mengakui tidak teragak-agak untuk menerima tawaran kerja sekiranya diberi peluang.

"Majlis seperti ini antara tarikan yang menyebabkan saya amat menyukai negara ini terutamanya negeri Sabah. Selain penduduknya yang ramah, saya juga menyukai makanan yang terdapat di sini," katanya yang amat menyukai sate.



Sadat, penuntut Ijazah Sarjana Perubatan dari Iran.